

kosmo 1/4/12 MS 50



MUZIUM persendirian ini mengalu-alukan lawatan daripada orang awam tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Sudah 30 tahun Nordin tidur di bilik pengantin antik di rumahnya manakala anak-anak yang pulang sekali-sekala terpaksa tidur di hotel.

Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN
afzan.kasiman@kosmo.com.my

BERKUNJUNG ke kediaman milik purbawan, Nordin Ali yang terletak di Lot 649, Padang Temu, Melaka bagaikan memasuki sebuah mesin masa yang membawa penulis merentas ke dunia silam.

Mana tidaknya, rumah separa kayu milik lelaki berusia 74 tahun ini menyimpan pelbagai khazanah baik dari zaman kegemilangan Me-



PINTU gerbang yang tersergam gah ini memudahkan pelawat mencari rumah Nordin di Padang Temu, Melaka.

Berumah dalam muzium

U... N... d... d... d...



radius

radius



DUIT syiling China yang dijadikan tong.

EKSTRA Rumahku Muziumku

• Muzium persendirian ini boleh dilawati setiap hari dari pukul 10 pagi hingga 10 malam. Tutup hari Jumaat.

• Tiada bayaran masuk

• Tiada bayaran masuk dikenakan. Namun, tetamu yang bermurah hati boleh memasukkan wang derma ke dalam sebuah kotak yang disediakan.

• Koleksi pameran termasuklah barangan tembaga, perabot, barang kemas, porselin, senjata, pinggan mangkuk dan lampu antik. Barangan tersebut ada yang dibawa dari Belanda, Britain, China, Jepun, Arab Saudi dan Nusantara.

• Keseluruhan barangan antik Nordin dianggarkan bernilai lebih RM1.5 juta.

• Bahagian laman muzium ini dihias dengan landskap tanaman herba serta pelbagai barangan lama seperti tempayan, batu giling berusia 90 tahun dan batu kisar.

• Turut menghiasi laman tersebut ialah himpunan pokok bonsai, bunga kertas dan sepasang tayar kereta lembu berusia lebih 50 tahun.

• Rumahku Muziumku terletak di 6068, Lot 649, Padang Temu, 75050, Melaka. Tel: 06-286 8894.

khazanah baik dan zaman kegemilangan Melaka sebagai pusat maritim antarabangsa sehinggalah ke era kolonial Belanda, Portugis, Jepun dan British di negara ini.

Koleksi yang dikumpul pula tidak terhad kepada satu kategori sebaliknya merangkumi setiap aspek kehidupan.

Pelbagai barangan dipamerkan di situ. Ini termasuk komponen kenderaan seperti lampu, loceng basikal serta hon kapal laut, kereta api dan kereta lembu.

Barangan lain ialah wang lama, kelengkapan bilik pengantin, berbagai-bagai jenis gergaji dan mesin, bermacam bentuk botol dan tempayan, bantal candu, seterika, gramofon, radio, kamera, buku dan telefon lama.



GRAMOFON dan gong antara koleksi kesayangan Nordin.

Keasyikan Nordin mengumpul pelbagai ar-tifak tinggalan sejarah dan barangan antik ini sebenarnya timbul sejak beliau kecil lagi lantaran arwah bapanya yang juga bekas ketua kampung di situ, Sidang Ali Talib, merupakan penggemar barangan antik.

Harga minimum

"Mungkin hobi arwah bapa ini menurun kepada saya," seloroh pesara Jabatan Pelajaran Kuala Lumpur ini ketika ditemui di rumahnya minggu lalu.

Antara barangan antik yang diwarisinya adalah beberapa bilah keris, pinggan porselin bertulisan jawi dan penyukat gantang yang berusia 100 tahun.

Bagaimanapun, Nordin hanya mula mengumpul barangan antik sekitar 34 tahun lalu. Sebuah gramofon yang kini sudah berusia 102 tahun adalah barangan antik pertama yang dibelinya.

"Saya beli gramofon ini melalui broker barangan antik pada harga RM1,700. Dek kerana minat, berbulan-bulan juga saya menyimpan duit untuk membelinya.

"Namun, apabila poket mula menipis, timbul pula rasa menyesal kerana sanggup berhabis duit demi gramofon sedangkan keperluan anak-anak ketika itu lebih mendesak," ujar bapa kepada sembilan orang anak ini.

Belajar daripada kesilapan itu, Nordin kini lebih selesa membeli pada harga paling minimum.

"Saya hanya membeli apabila penjual setuju dengan harga saya. Kalau harga yang diletakkan terlalu mahal, saya cakap terus terang saya tidak mampu beli," kata Nordin sambil memilih piring hitam dan mengunci



TELEFON berusia hampir 100 tahun masih berkeadaan baik malah ia menjadi medium perhubungan utama Nordin dengan dunia luar



kosmo 1/4/12 ms 51




KOLEKSI piring hitam, majalah lama dan kerusi bertema Tan Sri P. Ramlee.



MANGKUK terapi tangan ini boleh menghasilkan bunyi dengung yang kuat.



PETI ais tahun 1940 ini masih berfungsi dengan baik.




KATIL Baba dan Nyonya yang dianggarkan bernilai RM45,000.

gramofon kesayangannya itu. Tidak sampai seminit, kedengaran suara Latifah, isteri pertama Jamil lakonan P. Ramlee dalam filem *Madu Tiga* atau nama sebenarnya Zaharah Agus mendengarkan lagu Melayu klasik. Pertama kali mendengar suara dari corong gramofon itu memang teruja dibuatnya.

Tidur di hotel

Hakikatnya, bukan hanya gramofon itu yang masih berfungsi. Menurut Nordin, radio, telefon, jam dan lampu yang semuanya berusia lebih 70 tahun boleh digunakan lagi.

Beliau turut mempelawa penulis mencuba mangkuk terapi tangan tembaga buatan China yang akan mengeluarkan bunyi sekiranya kedua-dua pemegangnya di-



SETERIKA terbuka (kanan) diperoleh secara tukar suka sama suka dengan pengumpul barangan antik.

mangkuk porselin dan peluru meriam Portugis.

“Selain itu, banyak barang yang diperoleh secara pertukaran dengan pengumpul barangan antik lain.

“Misalnya, katil Baba dan Nyonya berusia 150 tahun ini saya dapat selepas pemilik asalnya mahu kan katil tembaga yang saya miliki.

“Kalau tidak silap, nilai katil kayu ini kini mencecah RM45,000,” katanya yang sehingga kini sudah membelanjakan kira-kira RM40,000 untuk hobinya itu.

Nordin juga pernah menjumpai senaskhah al-Quran kecil di tengah jalan yang dipercayai sudah berusia hampir 100 tahun. Sementara itu, anak-anaknya turut menghadihkan barangan antik



NORDIN



MAZNAH

gosok dengan telut.

Hanya selepas percubaan kedua, barulah mangkuk berusia 520 tahun itu mengeluarkan bunyi dengung yang kuat sehingga air di dalamnya bergetar seterusnya menghasilkan kocakan air.

Menariknya, lebih laju pemegangnya digosok, lebih kuat bunyi dan gelombang yang dihasilkan sehingga air yang diisi pada paras suku sahaja mampu terpercik keluar.

Selain dipenuhi dengan pelbagai koleksi dari ruang tamu hingga ke bahagian dapur, ketiga-tiga bilik yang ada di rumah ini turut dipindahkan dengan barangan antik bertemakan kamar pengantin.

"Saya dibantu isteri, Maznah Ali, 53, menghias kesemua bilik dengan tema perkahwinan Melayu, Chetti serta Baba dan Nyonya, lengkap dengan pakaian pengantin, aksesori dan gubahan hantaran mengikut kaum masing-masing," ujar Nordin.

Meninggalkan hanya ruang laluan yang sempit, sempat juga penulis bertanya kepada Nordin, di manakah mereka berehat dan tidur?

"Di rumah ini ada tiga bilik pengantin, di situlah kami tidur.

"Jika minggu ini kami tidur di bilik pengantin Melayu, minggu depan kami akan tukar tempat ke bilik Chetti dan minggu seterusnya di bilik pengantin Baba dan Nyonya pula.

"Barulah setiap hari terasa macam pengantin baharu," jawab Nordin berseloroh.

Bagaimanapun, jika sembilan

anak menantu, 26 cucu dan enam cicitnya pulang dalam satu masa, keluarga besar itu perlu tidur di hotel.

Mempunyai 1,800 koleksi barangan antik, jelas lelaki ini kebanyakan barangan tersebut dibeli sendiri daripada individu

yang datang ke rumahnya.

"Kebanyakan mereka memiliki barangan antik tetapi jumlahnya tidak banyak. Jadi mereka kurang minat untuk mengumpul.

"Ada juga nelayan yang menjual barang lama yang ditemui semasa menjaring ikan seperti pinggan

dan perat yang diperolehi dari luar negara.

Dalam ribuan barangan antik itu, pelita rumah api Belanda berusia 410 tahun, dulang porselin Belanda berusia 612 tahun dan radio berusia 100 tahun merupakan koleksi kesayangannya.

Foto
FAIRUZ LIYANA AYUB



NORDIN mewasiatkan agar koleksinya tidak dijual.

Wasiat larang anak jual muzium

CINTA terhadap barangan antik bukan sahaja menjadikan Nordin Ali sebagai pengumpul, bahkan, lelaki ini sanggup menukar konsep rumahnya daripada kediaman kepada muzium.

Usahanya itu mendapat pengiktirafan daripada Perbadanan Muzium Melaka (Perzim) yang turut membantu kerja-kerja pemuliharaan barangan tersebut.

Dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam pada tahun 2002, rumah Nordin telah menerima lebih 36,000 pelawat termasuk pelancong dari luar negara.

"Saya berbesar hati kerana dapat berkongsi koleksi ini dengan orang ramai. Ia bukan sekadar barangan antik sebaliknya cebisan perjalanan sejarah penting negeri ini," katanya yang melantik isteri dan kesemua anaknya menganggotai jawatankuasa yang bertanggungjawab menjaga

warisan barangan antik itu.

Menurut sepucuk surat wasiat yang dipamer di ruang tamu itu, Nordin melarang koleksi antiknya dijual dan dipindahkan.

Begitupun, usaha murni warga emas ini sering diambil kesempatan oleh pelawat yang panjang tangan.

"Setakat ini sudah 29 barang hilang. Kebanyakannya bersaiz kecil dan boleh dimasukkan ke dalam poket atau beg," ujar isteri Nordin, Maznah Ali.

Antara barang yang hilang itu ialah kaci pinang gobek sireh, satu set dulang tapak sirih, sebotol duit syiling lama serta dua balang tembaga berkepala singa.

"Selain itu, barang peninggalan arwah bapa mertua seperti meriam kecil, pedang samurai dengan sarung berukir dan lembing juga hilang ketika kami masih menetap di Kuala Lumpur dahulu," kata Maznah.